

01 OCT 2001

Syed Hamid-Brunei

M'SIA SETUJU DENGAN PERMINTAAN BRUNEI UNTUK BUKA PEJABAT KONSUL

PUTRAJAYA, 1 Okt (Bernama) -- Malaysia bersetuju dengan permintaan Brunei Darussalam untuk menubuhkan pejabat Konsul Besar di tiga bandar iaitu Kota Kinabalu, Kuching dan Miri.

Perkara itu merupakan antara topik yang dibincangkan dalam pertemuan empat mata antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Hassanah Bolkihah dalam konteks rundingan tahunan kelima mereka di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Penubuhan pejabat sedemikian secara umumnya akan memudahkan urusan berkaitan rakyat Brunei yang berada di Malaysia khususnya di ketiga-tiga bandar berkenaan.

Semasa bercakap kepada pemberita mengenai hasil rundingan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata: "Kita bersetuju Brunei menubuhkan pejabat Konsul Besar di ketiga-tiga tempat ini."

Selain itu, beliau berkata kedua-dua negara juga akan meneruskan interaksi di peringkat menteri dan pegawai dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir dan Sultan Hassanah Bolkihah turut bertukar pandangan mengenai isu keganasan dan bagaimana kerjasama boleh dijalinan antara kedua-dua negara dalam perkara itu.

"(Sultan) Brunei beritahu Perdana Menteri bahawa pendirian dia dengan PM adalah sama dalam isu ini. Ia perlu ditangani secara holistik, secara menyeluruh," katanya.

Ini kerana peperangan tidak akan menjadi jawapan kepada penyelesaian masalah keganasan memandangkan ia boleh mengakibatkan penderitaan kepada orang awam yang tidak berdosa, katanya.

Isu keganasan menjadi perhatian dunia kini berikutan serangan yang memusnahkan bangunan kembar Pusat Dagangan Dunia di New York dan merosakkan pusat pentadbiran ketenteraan Amerika Syarikat, Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas.

Amerika Syarikat kini merancang untuk bertindak balas terhadap Afghanistan terutamanya puak Taliban yang dikatakan melindungi jutawan Arab Saudi Osama bin Laden, yang dipercayai menjadi dalang kepada serangan itu.

"Pegangan Malaysia ialah kita menyokong segala tindakan untuk menentang keganasan tetapi ini tidak termasuk menyerang mana-mana negara kerana ini boleh membawa kepada kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat dan boleh membawa ketidakstabilan.

"Ini juga tidak bermakna kita menyokong Taliban. Kita tidak menyokong mana-mana kumpulan yang mempunyai pendekatan keganasan untuk mencapai matlamat mereka," katanya.

-- BERNAMA

MAM MHI AHH RHM